

## PENGENALAN

**Tayammum** merupakan satu rukhsah (keringanan) yang di berikan kepada umat islam dalam melaksanakan ibadah ketika dalam keuzuran yang dibenarkan oleh syara'. Ianya merupakan ganti untuk wudhuk atau mandi janabah (mandi hadas besar) sebagai cara mengharuskan melakukan perkara fardhu seperti solat dan tawaf.

## RUKUN TAYAMMUM

1. Niat bertayammum.
2. Menyapu debu tanah ke muka.
3. Menyapu debu tanah ke kedua tangan hingga siku.
4. Tertib.

## SYARAT SAH TAYAMMUM

1. Menghilangkan najis terlebih dahulu.
2. Debu tanah yang suci.
3. Bukan dari debu tanah yang musta'mal (yang telah digunakan).
4. Ada qasad (niat) penggunaan debu tanah.
5. Menyapu muka dan dua tangan hingga ke siku dengan dua kali tepuk. Tepukan pertama bagi muka dan tepukan kedua bagi tangan.
6. Pastikan terlebih dahulu arah kiblat.
7. Bertayammum apabila telah masuk waktu solat.
8. Satu tayammum bagi satu solat fardhu dan beberapa solat sunat.

## CARA BERTAYAMMUM

Ambil debu tanah kering yang suci dan tepuk kedua - dua tapak tangan ke atas debu serta sapukan ke bahagian muka yang tidak berbalut. Sewaktu mengangkat kedua - dua tangan hendaklah berniat tayammum dengan lafaz :

نَوَيْتُ التَّيْمُمَ لِاسْتِبَاحَةِ الصَّلَاةِ لِلَّهِ تَعَالَى

Maksudnya :

*"Sahaja aku bertayammum bagi mengharuskan sembahyang kerana Allah Ta'ala"*

## SEBAB - SEBAB BERTAYAMMUM

1. Apabila ketiadaan air atau ada air tetapi hanya mencukupi untuk keperluan makan dan minum.
2. Boleh membahayakan kesihatan dan nyawa sekiranya menggunakan air.

## APLIKASI TAYAMMUM



1. Taburkan debu di atas tisu dengan anggaran sukatan dua sudu besar



2. Menepuk dua tapak tangan pada debu kali pertama untuk menyapu muka.





3. Menyapu debu ke muka tanpa perlu menggosok untuk tujuan meratakan. Cukup sekadar di yakini meratai bahagian muka secara umum.



4. Membersihkan debu-debu yang melekat di tangan untuk menepuk debu yang seterusnya.



5. Menepuk dua tapak tangan pada debu kali kedua untuk menyapu tangan.  
6. Menepuk kedua - dua belah tangan untuk menipiskan debu di lembaran tisu yang lain.



7. Menyapu kedua - dua tangan hingga ke siku.



## PANDUAN TAYAMMUM SEMASA SAKIT



Diterbitkan oleh :  
Bahagian Pendidikan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
[www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my) | [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)  
KKM/BM/50,000/2017

Diterbitkan bersama :  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

